



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MINGGU KENANGAN P. RAMLEE 2026:
“SEPANJANG RIWAYATKU” DAN SAMBUTAN 100
TAHUN RUMAH KELAHIRAN P. RAMLEE**

2 JULAI 2026 (KHAMIS), JAM 10.00 PAGI

**AUDITORIUM P. RAMLEE,
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
PULAU PINANG**

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan

SALUTASI

(Salutasi terkini disediakan secara berasingan)

PENDAHULUAN

1. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang atas kesudian untuk merasmikan **Program Minggu Kenangan P. Ramlee 2026: "Sepanjang Riwayatku" dan Sambutan 100 Tahun Rumah Kelahiran P. Ramlee.**
2. Program ini merupakan anjuran Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
3. Majlis pada hari ini adalah satu pengiktirafan dan penghormatan negara terhadap sumbangan besar seorang Seniman Agung yang telah banyak berjasa dalam membentuk identiti sinema dan muzik tanah air.

SENI SEBAGAI TAPAK INTEGRASI NASIONAL

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Mulia Toh Puan dan hadirin yang saya hormati sekalian,

4. **Tan Sri P. Ramlee merupakan seniman agung negara yang dilahirkan pada tahun 1929 di Pulau Pinang. Sebagai pelakon, pengarah, penulis skrip, penyanyi, komposer dan pemuzik, beliau telah menghasilkan karya-karya segar yang bukan sahaja mencorakkan landskap seni tanah air, malah mengangkat nilai kemanusiaan, dan perpaduan.**
5. Sumbangan beliau dalam dunia filem dan muzik telah meletakkan nama Malaysia di persada antarabangsa, sekali gus menjadikan legasi beliau sebagai khazanah warisan seni yang terus dihargai merentasi generasi.
6. **Legasi beliau bukan sekadar koleksi filem dan lagu, tetapi suatu warisan budaya, suatu memori kolektif (*collective memory*) yang membentuk kesedaran sejarah dan jati diri. Nilai yang dibawa oleh karya beliau melangkaui zaman kerana berteraskan kemanusiaan sejagat.**

7. **Seni mempunyai kuasa yang luar biasa dalam menyatukan rakyat.** Ia membentuk kesedaran kolektif (*collective consciousness*), iaitu ruang bersama yang membolehkan rakyat daripada pelbagai kaum, agama dan latar budaya berkongsi emosi, nilai serta aspirasi, sekali gus membina identiti bersama (*shared identity*) dan memperkukuh kohesi sosial (*social cohesion*).
8. Dalam konteks Malaysia yang majmuk, **seni bukan sekadar hiburan, tetapi bahasa kemanusiaan yang merentasi sempadan kaum, agama dan budaya.** Sebagai wahana dialog budaya, seni memupuk empati, menyemai rasa memiliki (*sense of belonging*), dan mempertemukan kepelbagaian dalam satu naratif kebangsaan yang menjadi asas kepada perpaduan serta jati diri negara.
9. Oleh itu, **memartabatkan seni bermaksud memartabatkan tamadun.** Sesebuah negara bangsa tidak hanya diukur melalui kekuatan ekonomi atau kemajuan teknologinya, tetapi juga melalui kehalusan budayanya, kekayaan warisannya dan keupayaan seninya membentuk masyarakat yang berfikiran kritis, beretika serta berjiwa luhur.

MEMARTABATKAN KHAZANAH WARISAN NEGARA

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Mulia Toh Puan dan hadirin sekalian,

10. Untuk makluman hadirin sekalian, Kerajaan melalui Arkib Negara Malaysia telah menubuhkan **dua institusi khas bagi memelihara dan mengabadikan legasi Tan Sri P. Ramlee, iaitu Rumah Kelahiran P. Ramlee dan Pustaka Peringatan P. Ramlee.**
11. Rumah Kelahiran P. Ramlee yang terletak di No. 4A, Jalan P. Ramlee, Pulau Pinang adalah merupakan tempat kelahiran Allahyarham. Rumah ini telah dibina pada tahun 1926 oleh bapa P. Ramlee bersama-sama dengan bapa saudaranya Rejab bin Husin. Skop Pameran terbahagi kepada dua (2) bahagian utama, iaitu menunjukkan '*living areas*' semasa Allahyarham menduduki rumah tersebut dan riwayat hidup Allahyarham semasa di Pulau Pinang.
12. Manakala Pustaka Peringatan P. Ramlee pula menghimpunkan pelbagai koleksi berharga yang merakam perjalanan kerjaya dan sumbangan beliau kepada dunia seni. Antara yang dipamerkan ialah bahan biografi, anugerah, artifak, kostum, memorabilia, koleksi filem serta pameran berkaitan Biduanita Negara, Puan Sri Saloma,

yang membolehkan generasi kini mengenali tokoh seni negara ini dengan lebih dekat.

13. **Penganjuran Minggu Kenangan P. Ramlee 2026 dan Sambutan 100 Tahun Rumah Kelahiran P. Ramlee yang berlangsung selama tiga hari (2 – 4 Julai 2026) membuktikan komitmen berterusan Kerajaan dalam memelihara warisan seni negara.** Pelbagai program turut akan diadakan sepanjang tiga hari ini seperti Bicara Sejarah Dan Kenangan Rumah Kelahiran P.Ramlee; Bacaan Yasin dan Tahlil Arwah Tan Sri P. Ramlee; Ceramah "Seni Dakwah Seniman"; dan Pameran 100 Lampu.
14. Usaha ini bukan sahaja memartabatkan khazanah budaya dan identiti negara, malah mendidik generasi muda agar terus menghargai sejarah, memperkukuh jati diri nasional serta menyemarakkan semangat kebersamaan dalam membina negara bangsa.

PENUTUP

15. P. Ramlee telah membuktikan bahawa karya yang lahir daripada keikhlasan, dan kasih kepada masyarakat mampu merentasi generasi. Beliau telah membina sebahagian daripada identiti Malaysia, identiti yang berteraskan kepelbagaian, kesederhanaan, belas ihsan dan perpaduan.

16. Sekali lagi, saya memanjangkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan atas keberangkatan merasmikan majlis yang penuh bermakna ini.

Sekian, terima kasih.